

## Kebitaraan Rupa Bentuk dan Perancangan Susun Atur Ruang Rumah Warisan Melayu dari Sudut Pandang Orientalis Abad Ke-19 (The Uniqueness in Form and Space Layout Planning of Malay Heritage Houses Based on 19th Century Orientalists' Perspectives)

M Yusuf A Adam Broughton, Mazlan Mohd Tahir\*, Mastor Surat & Ismar MS Usman

*Jabatan Seni Bina Dan Alam Bina,  
 Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia*

\*Corresponding author: [mazlanmt@ukm.edu.my](mailto:mazlanmt@ukm.edu.my)

Received 12 March 2023, Received in revised form 14 June 2023  
 Accepted 7 July 2023, Available online 31 October 2023

### ABSTRAK

*Seni bina rumah warisan Melayu merupakan manifestasi kehebatan dan kebijaksanaan masyarakat Melayu silam dalam membina dan merealisasikan rumah kediaman mereka. Falsafah, kepercayaan dan ritual di sebalik proses pembinaannya selain ciri reka bentuk rumah yang bitara dan responsif terhadap iklim tropika serta latar persekitaran semula jadi dapat mewujudkan keselesaan hawa dan penyejukan pasif pada ruang-ruang dalaman rumah. Unsur-unsur bitara ini banyak diketengahkan dalam kajian ilmiah tentang seni bina warisan Melayu oleh para penyelidik dan ahli akademik semenjak tahun 1980an hingga kini. Malah lama sebelum itu lagi catatan-catatan dan rekod orientalis barat seawal abad ke-19 dari para sarjana, ahli ilmiah, pegawai pentadbir serta pengembara luar turut mengakui keunggulan dan kehebatan seni bina rumah warisan Melayu ini di dalam hasil penulisan mereka. Namun begitu, catatan awal dan rekod primer orientalis ini jarang dirujuk pada masa kini. Tujuan kajian ini adalah untuk mengumpulkan catatan-catatan penting orientalis tentang kebitaraan dan keunggulan seni bina warisan Melayu dan mencerakin perbandingan antara sumber lama ini dengan (i) hasil penulisan penyelidik tempatan yang lebih kontemporari/ terkini dan (ii) sesi temubual dengan beberapa tokoh pakar/ akademik dalam bidang pemuliharaan seni bina warisan Melayu hari ini. Kajian ini juga akan turut menganalisis kepentingan dan keberkesanan perancangan susun atur ruang-ruang asas yang terdapat dalam rumah warisan Melayu. Hasil kajian mendapati kedua-dua sudut pandangan dari penulis orientalis abad ke-19 dan penyelidik tempatan masa kini mempunyai persamaan dalam membicarakan tentang kebitaraan dan keunggulan seni bina rumah warisan Melayu.*

*Kata kunci: Kebitaraan; rupa bentuk; susun atur ruang; rumah warisan Melayu; orientalis abad ke-19*

### ABSTRACT

*The architecture of Malay heritage houses is a manifestation of the greatness and wisdom of Malays in the past in building and creating their places of abode. The subtle philosophy, beliefs and rituals behind the erection process, in addition to the design features of the dwelling structures that are responsive and adaptive to the local tropical climate which creates thermal comfort and passive cooling within the interior spaces of the house. These unique elements and features have been regularly highlighted in various scientific studies on Malay heritage architecture by both local and foreign researchers and academics since the 1980s till today. Nonetheless, writings and records through studies and observations by European orientalis dating back to as early as the 19th century have long acknowledged the architectural marvel of the humble Malay heritage house. However, these early records are rarely highlighted and referred to today. The aim of this study is to gather these statements acknowledging the uniqueness and excellence of Malay heritage house architecture and comparing them with (i) the writings of modern-day researchers and (ii)*

interviews with several expert figures/ academics in the field of Malay heritage architecture conservation. This study will also analyze the importance and effectiveness of the basic space layout planning found in Malay heritage houses. The findings of the study suggests that the views and statements of 19th century orientalists in comparison to modern-day researchers both acknowledge and share the same opinion and facts regarding the uniqueness and excellence of Malay heritage house architecture.

*Keywords: Uniqueness; form; space layout planning; Malay heritage houses; 19th century orientalists*

## PENGENALAN

Rumah warisan Melayu secara umum merupakan struktur bangunan kediaman masyarakat Melayu silam yang dibina daripada kayu dan mempunyai lantai berpangggung yang tergantung tinggi dari aras tanah. Reka bentuk lantai gantung unik ini berfungsi melindungi para penghuni dari tempas hujan lebat dan banjir yang sinonim dengan kawasan khatulistiwa yang beriklim tropika serta sebagai perlindungan dari ancaman haiwan liar, haiwan pembawa penyakit (*vermin*) dan serangga berbisa yang merayap di atas tanah (Chen, 1998). Selain itu reka bentuk lantai gantung ini dapat mengelakkan kerosakan struktur rumah dari kelembapan di dalam tanah serta serangan serangga perosak (*pests*) seperti anai-anai dan bubuk kayu.

“The only inhabitants are a few wood-cutters, Malays and Chinese, who live in huts of mat and bark with palm-leaf roofs, while they are employed cutting mangroves and a hard-wood palm called Nibong. The huts of the Chinese are on the ground, but the Malay dwellings are invariably raised a few feet above the damp soil, and to them entry is obtained by means of a ladder.”

Swettenham, F. (1898)

Bukaan tingkap dan lubang angin yang banyak di sekeliling rumah memberikan pengudaraan dan pencahayaan semula jadi yang baik kepada ruang-ruang dalaman rumah warisan Melayu (Halim, 1997). Reka bentuk terbuka pada pelan lantai (*open floor plan*) dengan jumlah bilik dan dinding sesekat yang kurang juga memberikan lagi kelebihan dari aspek penyejukan pasif dan keselesaan hawa (*thermal comfort*) kepada para penghuni rumah. Ini menunjukkan ciri rumah yang bitara dan berharmoni dengan cuaca tempatan dan latar persekitarannya.

“The house is lighted in front (and behind if at all) by a horizontal aperture running sometimes the whole length of the verandah, and level with the head of a squatter on the floor; and there will be the same aperture or taller barred windows (tingkap ibu rumah) at the sides of the house.”

Winstedt, R. (1909)



(a)



(b)

RAJAH 1 (a) & (b). Bukaan tingkap dan lubang angin menggalakkan penyejukan pasif dan pencahayaan semula jadi pada (a) Rumah Serambi Negeri Sembilan, Rembau dan (b) Rumah Serambi Kedah, Langkawi  
Sumber: Penulis (2022)

Selain ciri seni bina yang responsif terhadap iklim tempatan, kesenian kraf ukiran kayu dengan pelbagai motif dan corak di sekeliling rumah seperti pada panel-panel dinding, lubang-lubang angin, jenang pintu dan tingkap serta komponen rumah seperti tebar layar, papan tumpu kasau dan pemeleh di bahagian bumbung mencantikkan dan menaikkan lagi seri sesebuah rumah warisan Melayu (Halim, 1986). Nilai kesenian ini turut menonjolkan kehebatan dan kemahiran seni pertukangan pandai kayu, pengukir dan tukang bina silam dan memberikan satu nilai

estetika yang tinggi dan unik pada seni bina warisan Melayu.

“Some of the wood-carving is excellent, and the best now found in the Peninsula is done in the Nine States, where it was, no doubt, introduced from Sumatera.”

Swettenham, F. (1907)




RAJAH 2. Ukiran kayu motif organik pada Rumah Serambi Negeri Sembilan, Mambau milik Dato' Kelana Sungai Ujong  
Sumber: Penulis (2022)


Kehebatan dan kebitaraan seni bina rumah warisan Melayu telah lama diakui dalam beberapa dokumentasi dan kajian awal oleh orang luar yang pernah datang ke Semenanjung Tanah Melayu. Antara sumber rekod primer yang memberikan gambaran dan maklumat deskriptif yang terperinci tentang keunikan dan keindahan seni bina dan rupa bentuk rumah kediaman serta latar perkampungan masyarakat Melayu silam adalah dari penulisan dan kajian ilmiah para sarjana orientalis barat, pegawai pentadbir British yang berkhidmat di negeri-negeri Melayu, pedagang serta beberapa pengembara era Victoria yang menjelajah ke Semenanjung Tanah Melayu sekitar abad ke-19 (Waterson, 1998). Selain rupa bentuk dan estetika rumah, falsafah dan perancangan di sebalik susun atur ruang-ruang dalaman utama sesebuah rumah warisan Melayu juga merupakan satu ciri penting yang perlu dititikberatkan bagi memahami dan mendalami tahap kebitaraan sesebuah rumah warisan Melayu dan kebijaksanaan tukang bina silam.

Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis reka bentuk asas, pembahagian susun atur dan hierarki ruang-ruang utama di dalam rumah warisan Melayu selain menilai kepentingan dan keberkesanan ciri susun atur ruang-ruang dalaman tersebut berdasarkan sudut pandangan orientalis abad ke-19. Selain itu kajian akan turut membuat perbandingan dan rujukan silang antara rekod-rekod primer

orientalis ini dengan beberapa kajian moden yang lebih terkini bagi menyokong hujah dan pandangan awal terhadap kebitaraan dan keunggulan seni bina rumah warisan Melayu ini.



(a)



(b)

RAJAH 3 (a) & (b). Ciri bitara rumah beradaptasi dengan alam semula jadi: (a) arah aliran angin dan (b) cahaya yang memberikan pengudaraan/ pencahayaan semula jadi bagi mewujudkan penyejukan pasif ke dalam rumah ibu  
Sumber: Penulis (2022)

## METODOLOGI

Metodologi yang digunakan di dalam kajian ini terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu (1) kajian kepustakaan, dan (2) sesi temubual.

### 1. Kajian Kepustakaan

Dalam sasaran untuk mencapai objektif kajian ini, kaedah utama yang digunakan adalah kajian kepustakaan dari sumber penulisan dan buku yang terbahagi kepada dua (2) bentuk rujukan utama iaitu:

#### a. Rujukan Sumber Orientalis Lama (Primer)

Rujukan sumber terdahulu dari penulisan dan kajian terperinci orientalis barat seawal pertengahan abad ke-19. Rekod paling awal diperolehi adalah laporan ekspedisi oleh J. Logan pada tahun 1849 bertajuk *Five Days in Naning, with a Walk to the Foot of Gunong Datu in Rembau* yang memberikan gambaran terperinci sebuah rumah Melayu daerah Naning, Negeri Sembilan.

Antara rujukan primer orientalis lain adalah beberapa penulisan penting dalam bentuk artikel kajian, monograf, travelog dan cerita pendek deskriptif (*short stories/sketches*) oleh beberapa ahli ilmiah, pentadbir kolonial dan pengembara yang pernah menetap atau menjelajah ke Tanah Melayu sekitar abad ke-19, antaranya J. McNair (1878), W. Cavenagh (1884), I. Bird (1884), F. Swettenham (1895, 1898, 1899, 1907), H. Clifford (1897, 1898), W. Skeat (1900) dan R. Winstedt (1909, 1916).

#### b. Rujukan Sumber Moden / Kontemporari

Rujukan kajian pustaka secara perbandingan antara sumber primer orientalis abad ke-19 dengan hasil kajian dan penulisan tempatan/ luar yang lebih moden dan terkini dilakukan bagi menyokong pendapat dan pandangan catatan awal orientalis tentang kebitaraan dan keunikan seni bina rumah warisan Melayu. Antara kajian yang dirujuk adalah N.A. Halim (1985), Lim J.Y. (1987), Gibbs (1987), R. Bahrin Shah (1988), A. Rahman Al-Ahmadi (2016) dan Sabrizaa A.R. (2017).

### 2. Sesi Temubual

Dua (2) sesi temubual telah dijalankan dengan ahli akademik yang pernah terlibat dalam projek pemuliharaan/ konservasi rumah warisan Melayu. Tujuan temubual ini adalah bagi menyokong dan memperkukuhkan lagi dapatan yang diperolehi dari kaedah kajian kepustakaan tentang kebitaraan dan keunggulan seni bina rumah warisan Melayu. Pakar yang ditemubual adalah Dr. Mohd Sabrizaa Abd Rashid dari FSPU, UiTM Seri Iskandar dan Dr. Pauzi Abd Latif dari Muzium Warisan Melayu, UPM Seri Kembangan.

Di dalam sesi temubual tersebut topik mengenai kehebatan dan kebitaraan seni bina rumah warisan Melayu yang merangkumi aspek falsafah, kaedah pembinaan, asas rupa bentuk dan perancangan susun atur ruang selain unsur kesenian dan nilai estetika dibincangkan dengan lebih lanjut. Hasil sesi temubual memberikan pandangan dan pendapat yang sama dengan apa yang telah diusul dan


dikemukakan dalam catatan rekod dan penulisan awal orientalis abad ke-19 dan juga rujukan sumber kajian moden.

## ASAS PEMBINAAN RUMAH

Sebelum sesebuah rumah didirikan, masyarakat Melayu silam secara tradisi mengamalkan dua ritual utama iaitu upacara pemilihan tapak dan upacara menaikkan tiang utama rumah yang dipanggil tiang seri. Upacara pertama iaitu pemilihan tapak dilakukan bagi memastikan agar lokasi tapak di mana rumah yang bakal didirikan adalah sesuai, selamat dan 'bertuah' untuk didiami. Proses ritual ini melibatkan pawang atau bomoh dan 'ibu rumah' iaitu wanita/ isteri tuan rumah serta penggunaan beberapa bahan seperti kemenyan, bekas air, kayu, rotan, sirih, kapur dan gambir (Lim, 1987). Manakala ritual kedua iaitu upacara menaikkan tiang seri rumah pula melibatkan penggunaan kain tiga warna (hitam, putih dan merah) yang diselitkan pada kepala tiang utama serta duit syiling atau kepingan timah/emas yang diletakkan pada alas tapak tiang. Menurut kepercayaan orang Melayu silam, tiang seri ini adalah simbolik sebagai semangat atau 'maya' rumah dan upacara ini dilakukan sebagai tanda rezeki serta menjamin keselamatan dan perlindungan kepada seisi rumah (Pauzi, 2020).

"I was not before aware that in building a house Malays always cover the joints with cloth of some description, and also insert a piece of gold or some other article of value into one of the principal posts in order to secure good luck. When the building is completed, before entering it, they fire several volleys over it to drive away the evil spirits."

Cavenagh, W. (1884)



RAJAH 4. Kain berwarna diselit pada kepala tiang seri  
Sumber: Badan Warisan Malaysia (2006)

## RUPA BENTUK ASAS RUMAH DAN PERANCANGAN SUSUN ATUR RUANG

Menurut Halim (1996), seni bina rumah kediaman warisan di seluruh dunia secara umum terbahagi kepada tiga kumpulan utama iaitu, i) kediaman separa bawah tanah (*semi-subterranean dwellings*), ii) kediaman atas permukaan tanah (*surface dwellings*), dan iii) kediaman cerucuk (*pile dwellings*). Rumah warisan Melayu termasuk di dalam kategori ketiga kerana sifat tiang-tiang utama rumah yang berfungsi sebagai cerucuk yang ditanam sedikit dalam tanah atau diletakkan pada asas yang dipanggil lapik tiang atau alam tiang. Asas rupa bentuk dan ciri fizikal utama rumah warisan Melayu yang memberikannya kelainan serta identiti tersendiri berbanding seni bina rumah warisan masyarakat lain di semenanjung


seperti kaum Cina dan India adalah ciri lantai berpanggung yang dibina tergantung dari aras tanah serta binaan kerangka asas tiang dan rasuk yang disambungkan menggunakan sistem tanggam dan pasak. Selain itu susun atur ruang dalaman yang terdiri dari dua rumah induk yang bermodul iaitu rumah ibu dan rumah dapur yang dihubungkan dengan satu ruang perantara dipanggil selang, penangah atau jemuran menyerlahkan lagi keunikan seni bina kediaman warisan Melayu semenanjung ini.

“Below the houses – as may be seen in the illustration, which gives a very good general impression of an ordinary Malay village – posts are driven into the soil... The residence of the Malay is invariably built upon posts, some of which are close to and over the water...”

McNair, J. (1878)



RAJAH 5. Imej rumah Melayu milik puteri kerabat diraja Perak bernama Che Mida sekitar tahun 1870an  
Sumber: McNair, J. (1878)



RAJAH 6. Ruang-ruang utama dan hierarki aras lantai rumah warisan Melayu secara umum  
Sumber: Penulis (2021)

Secara umum kebitaraan reka bentuk asas rumah warisan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu yang membuatnya unik berbanding dengan kepelbagaian rupa bentuk rumah warisan lain di seluruh Alam Melayu terletak pada cirinya yang bermodul atau berbandung. Menurut kamus Wilkinson (1908), perkataan ‘bandung’ bermaksud ‘a connected pair – e.g. *balai bandong, two halls connected by a passage*’. Perancangan rumah bermodul ini dibahagikan kepada dua bangunan induk utama iaitu rumah ibu di bahagian hadapan dan rumah dapur di bahagian belakang. Kedua-dua modul bangunan dihubungkan dengan satu ruang perantara yang dipanggil selang, penangguh atau jemuran, bergantung kepada rupa bentuk dan negeri asalnya. Menurut Winstedt (1909), ruang-ruang asas di dalam sesebuah rumah warisan Melayu pula mudah dan terdiri daripada tiga ruang utama iaitu ruang melayan tetamu di bahagian hadapan (serambi, selasar, anjung atau beranda), ruang istirehat keluarga di bahagian tengah (rumah ibu) dan ruang memasak di bahagian belakang (rumah dapur dan pelantar).

“The Malay who desires to have a comfortable home literally builds two houses or huts – one at the back of the other – separately roofed, but with a way of communication to join them and form one shelter. The front house is the place for general reception; while the back, which is shut off by a doorway and curtain, is the exclusive home of the women and children. Again, behind this, there is a kind of shed or lean-to, in which the ordinary domestic arrangements, such as cooking and preparing food, are carried on.”

McNair, J. (1878)



(a)



(b)

RAJAH 7 (a) & (b). Ciri bermodul antara rumah ibu dan rumah dapur yang dihubungkan dengan ruang selang seperti (a) Rumah Serambi Pahang, Kg. Kelola, Jerantut (a) dan (b) Rumah Serambi Kedah, Langkawi  
Sumber: Penulis (2019 & 2022)

Ruang-ruang utama di dalam rumah warisan Melayu bersifat pelbagai guna (*multifunction*) kerana fungsinya berubah-ubah mengikut waktu-waktu berbeza dalam sehari atau dalam setahun (Lim, 1987). Ruang dalaman rumah Melayu bersifat terbuka tanpa adanya dinding sesekat dan jumlah bilik yang banyak. Ini sekaligus menggalakkan penggunaan ruang pelbagai guna yang fleksibel selain memberikan keselesaan hawa yang optimum kepada penghuni melalui pengudaraan dan pencahayaan semula jadi yang baik ke dalam rumah (Khairul Anwar, 2021). Orang Melayu silam juga tidak meletakkan banyak perabot di dalam rumah mereka dan kebanyakan aktiviti mereka dilakukan secara mudah dalam kedudukan duduk bersila dan bersimpuh di atas lantai yang dialas dengan tikar mengkuang (Gibbs, 1987).

“The house is not cumbered by furniture or any attempt at decoration; there are no tables or chairs, no whitewash, and very little paint. The floor, which is always raised four or five feet above the ground, is of planks, nibong, or split bamboos, and it is covered with mats; the walls are of plank or palm leaves, bark or interlaced cane; the thatch is of palm leaves. Every small Malay house is divided into three parts; a narrow veranda in front, and the rest of the floor space under the main roof, form the house; while, tacked on behind, is a small excrescence used as a kitchen. The same principle is carried out in more pretentious houses, only each of the three divisions is much larger and often forms a separate building, joined to the next one by a few feet of covered way. Strangers seldom pass beyond the veranda.”

Swettenham, F. (1907)

Salah satu ciri utama pada rumah warisan Melayu adalah reka bentuk pelan lantainya yang terbuka (*open floor plan*) dan kurangnya binaan dinding-dinding sesekat tinggi (*full height partition walls*) yang menjadi pembahagi antara bilik dan ruang dalaman rumah. Sebarang bentuk pembahagi ruang yang wujud sama ada dinding kayu yang rendah ataupun tirai hanya memberikan privasi yang terhad sesama ahli keluarga. Ciri ini sangat berbeza jika dibandingkan dengan reka bentuk ruang dalaman rumah-rumah di Barat yang menitikberatkan konsep *privacy* dan *personal space* dengan adanya bilik-bilik tidur bagi setiap ahli keluarga yang dibina secara tertutup dengan berinding bata tebal serta kedap bunyi. Maka itu adalah penting bagi memahami kaitan harmoni antara perancangan dan susun atur ruang rumah warisan Melayu dengan cara hidup, norma harian dan ikatan kekeluargaan masyarakat Melayu di zaman silam.

“To a European, the ways of Malays are exceedingly peculiar that is, until you have shared their inner life, and so learnt their code of honour, their religious teaching, and the doctrines and customs of the men of old time. Though great changes have been effected in the last twenty years, ancient tradition is still one of the strongest rules of the true Malay life of the Peninsula. Amongst the principles inculcated for generations, there are two which still have wonderful force. They are these: the obedience which is due to the governing classes, and the sacredness of confidence. The power of the latter injunction is specially noticeable, when a non-Muhammadan seeks information likely to damage a follower of the Prophet. Owing, in a great measure, to the kind of dwellings in which Malays live, and the circumstances of Malay society, there is practically no real privacy, and there are very few real secrets; but while every one acts and speaks in the presence of witnesses, the traditions of centuries forbid the disclosure of a deed or a word that would compromise a relative or a feudal chief. When this is once clearly understood, it explains a good deal in Malay life that otherwise seems incomprehensible.”

Swettenham, F. (1899)

Rupa bentuk dan susun atur ruang rumah kediaman warisan Melayu merupakan cerminan cara hidup pemilik dan para penghuninya. Oleh kerana dinding-dinding luaran di sekeliling rumah diperbuat dari bahan binaan ringan (*lightweight material*) sama ada dinding kayu berlapis / berpanel, lapisan buluh atau anyaman kelarai / tepas nipis yang bukan bersifat penebat bunyi yang baik, maka orang Melayu sejak dilahirkan telah terdedah kepada pelbagai bunyian alam dari luar; kokokan ayam dan kicauan unggas di waktu pagi, pelbagai bunyi haiwan dan serangga seperti


jengkrik/ reiang hutan (*cicada*) sepanjang siang hari serta bunyi burung pungguk di waktu malam. Menurut R. Bahrin (1988), pelan lantai terbuka dengan dinding-dinding sesekat yang kurang di dalam rumah membuatkan setiap ahli keluarga terdedah secara aktif atau pasif kepada segala bunyi aktiviti dari dalam rumah. Ini termasuk bunyi tangisan bayi, anak-anak bermain atau belajar, perbualan ahli keluarga atau tetamu yang datang berkunjung, bunyi kaum wanita yang sibuk memasak di dapur, serta alunan bacaan ayat-ayat suci al-Quran di permulaan dan pengakhiran hari iaitu selepas sembahyang Subuh dan antara waktu Maghrib dan Isyak.

## RUMAH IBU


Rumah ibu merupakan ruang utama dan terpenting (*core area/ large room*) dalam sesebuah rumah warisan Melayu. Kepentingan ruang ini dapat dilihat pada ketinggian aras lantai dan bumbungnya yang paling tinggi berbanding aras ruang-ruang lain dalam rumah (Sabrizaa, 2017). Selain itu keluasan saiz ruang di dalam rumah ibu juga adalah paling besar berbanding ruang-ruang lain dan tiang utama rumah iaitu tiang seri yang menjadi tiang pertama ditegakkan semasa pembinaan dan merupakan ‘semangat rumah’ juga terletak di bahagian tengah rumah ibu ini. Ruang utama rumah ibu yang luas dan terbuka (*open floor plan*) juga membolehkan pelbagai aktiviti harian seperti sembahyang, mengaji al-Quran, belajar, tempat ahli keluarga berbual dan makan bersama, beristirehat dan tidur dilakukan di sini. Selain itu ruang rumah ibu ini juga menjadi antara ruang berkumpul terpenting dalam menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan kampung seperti kenduri-kendara, majlis peminangan, perkahwinan, aqiqah dan bacaan doa.

“The large room into which we ascend from the verandah, is only used as a reception room on feasts and other great occasions, and ordinarily forms a convenient store-room for the less valuable household stuff, such as baskets of different kinds, mats, etc. Around a wooden post in the middle are hung an abundance of spears, swords, and other weapons of several sorts, for the Malayan armoury displays a motley and curious assortment of weapons. A number of baskets of paddy, which had been newly brought in from the field and were not yet cleaned for the granary, were placed on the floor. The smaller room was my host’s bed chamber, the only place in the whole kampong sacred to privacy. At one end was a curtained bed, and on the other were stuck or suspended some fire-arms and a great variety of kris, swords and knives.”

Logan, J. (1849)



RAJAH 8. Rumah ibu sebagai ruang utama dengan ruang kelek anak/ serambi belakang  
 Sumber: Penulis (2021)



RAJAH 10. Ruang paling hadapan bagi rumah jenis bumbung panjang yang dipanggil ruang serambi (berdinding) atau selasar (terbuka)  
 Sumber: Penulis (2021)



RAJAH 9. Ruang rumah ibu dalam Rumah Anjung Kedah, Kg. Sungai Kechil, Bandar Baharu  
 Sumber: Penulis (2022)

### SERAMBI DAN SELASAR

Rumah ibu yang menjadi ruang utama di dalam bangunan induk sesebuah rumah warisan Melayu biasanya akan bercantum di bahagian hadapannya dengan sebuah lagi ruang yang berfungsi sebagai ruang peralihan (*transitional space*) dan menjadi perantara di antara bahagian luar dan dalam sesebuah rumah warisan Melayu. Ruang yang sederhana saiznya dan lebih kecil berbanding rumah ibu ini dipanggil dengan pelbagai nama mengikut reka bentuk dan negeri asalnya, iaitu serambi, selasar, anjung atau beranda.

“The place for the reception of visitors becomes a long-closed front verandah (serambi), a short board balcony closed (anjong) or open (beranda) projecting at right angles to the centre building on the same or a lower level, or in the house of prince and chief becomes the audience hall.”

Winstedt, R. (1909)

Menurut kamus Wilkinson (1908), perkataan ‘serambi’ bermaksud ‘a Malay verandah’. Ruang serambi atau sorong serambi merupakan ruang dalaman pertama yang akan dilalui ketika memasuki sebuah rumah warisan Melayu. Ruang ini berbentuk segi empat tepat dan bersaiz memanjang ke kiri dan kanan rumah dan tidak terlalu lebar di sisi depan dan belakangnya. Serambi ini bersifat separa tertutup (*semi-private*) dan menjadi ruang melayan tetamu yang datang berkunjung terutamanya bagi kaum lelaki. Serambi juga menjadi tempat untuk menjamu kaum lelaki makan ketika tuan rumah mengadakan kenduri atau keramaian (Halim, 1997). Dinding di sekeliling serambi biasanya tertutup dengan kehadiran jumlah tingkap yang banyak serta lubang angin seperti kekisi dan ukiran tembus bagi memberikan pengudaraan dan pencahayaan semula jadi yang baik. Namun terdapat juga serambi yang memiliki reka bentuk separa terbuka dengan dinding rendah/ selusur di bahagian depan dan dinding tertutup di hujung kiri dan kanannya. Di waktu malam, ruang ini berubah fungsinya dan menjadi tempat tidur teruna dan anak-anak lelaki seisi rumah. Serambi yang beraras lantai lebih rendah dari rumah ibu dipanggil serambi gantung manakala serambi yang beraras lantai sama dengan rumah ibu dipanggil serambi sama naik. Reka bentuk ruang serambi biasa terdapat pada rumah Melayu jenis bumbung panjang di Selangor, Perak, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang.

“Abdulrahman’s house lay in one of the plantations on the right side of the road, and as it is a fair specimen of the style of the better class of houses in Nanning, I will briefly describe it: - The body of the house is about 40 feet square and, like all Malay cottages, rests on posts, so that the floor is some feet above the ground. It is divided by a partition into a large and small room. A few steps lead down from the former into a broad verandah or gallery, which runs along the whole front of the house, and at one end extends about 24 feet beyond it. The sides and partitions of the house are of panelled woodwork. The ends of the verandah are of similar



woodwork, with a curiously carved narrow window, or rather a row of stilts, in each. In front and at the back of the projecting end, a wooden parapet about 2 ½ feet in height forms the only obstruction to the free ingress of air and light. On the wall of the verandah are hung some deer's horns and skulls, the trophies of the householder's forest craft. Fine mats are spread on a portion of the floor, and others lie at one end in readiness for any unusual influx of visitors, for the verandah forms at once the visiting, eating, and sleeping place for guests."

Logan, J. (1849)



RAJAH 11. Ruang serambi separa tertutup di bahagian hadapan Rumah Serambi Negeri Sembilan, Mambau  
Sumber: Penulis (2022)




RAJAH 12. Pelantar serambi terbuka 'selasar' di hadapan Rumah Bujang Berselasar, Kuala Terengganu  
Sumber: Penulis (2020)

## RUMAH DAPUR

Rumah dapur merupakan bangunan induk bahagian belakang sesebuah rumah warisan Melayu. Secara lazimnya aras lantai rumah dapur adalah lebih rendah daripada aras lantai di bahagian rumah ibu dan selang (Gibbs, 1987). Rumah dapur yang sinonim sebagai ruang kaum hawa ini adalah tempat segala aktiviti membasuh, penyediaan dan memasak beraneka bentuk hidangan gastronomi tradisional Melayu dilakukan. Bagi rumah dapur yang bersaiz besar dan luas, ruang ini turut digunakan sebagai tempat berkumpul seisi keluarga untuk makan bersama (selain makan di ruang rumah ibu) dan dilakukan secara duduk bersila atau bersimpuh di atas tikar mengkuang yang dihamparkan di lantai. Ruang ini juga mempunyai bukaan tingkap dan pintu secukupnya untuk membolehkan bahang panas ketika memasak beredar keluar. Selain itu ciri-ciri seperti dinding kekisi yang berlubang, dinding anyaman kelarai / tepas yang nipis dan berongga, struktur siling terdedah (*exposed ceiling*) dan reka bentuk bumbung berlapis dengan lubang angin melintang di antaranya menambahkan lagi kelancaran peredaran udara secara berterusan di dalam rumah dapur ini.

"To complete the picture of the kampong, I must notice the kitchen, an attap fabric a few paces in the rear of the house, but connected with it by a covered platform of split nibong, - and the granary, a light and neat structure raised some feet from the ground, well-roofed, and having its sides of narrow bambu placed about an inch separate, so as to allow a free passage to the air. The paddy is not heaped on the floor, but stored in cylindrical receptacles about 2 ½ feet high and 3 to 4 feet broad, made by bending back upon itself a broad strip of the thick bark of the Coopong Tree an instance of that adaptation, by the simplest processes, of materials ready from the hand of nature, into neat and useful articles, which so frequently strikes and pleases the observer in a Malayan country. A number of fowls and a few goats were scattered about the kampong attending to the one business of their lives. Between the cocoanuts there are some dark-leaved coffee bushes which yield a crop of berries, scanty but sufficient for the use of the house. A well-trodden path leads to an open well on the margin of the paddy flat. Some pieces of wood placed on the lower side serve as the bathing place of the whole family male and female..."

Logan, J. (1849)




RAJAH 13. Rumah dapur di bahagian belakang rumah  
 Sumber: Penulis (2021)

### RUANG KOLONG BAWAH RUMAH

Keunikan rumah warisan Melayu dengan reka bentuk lantai berpanggung dan tergantung tinggi dari aras tanah secara tidak langsung membuatkan wujud satu ruang serbaguna di bahagian bawahnya yang dipanggil kolong (Safwan, 2022). Ruang terbuka yang berangin, redup dan terlindung dari cahaya matahari ini sesuai digunakan para penghuni rumah untuk bersantai atau melakukan aktiviti-aktiviti separa luaran (*semi-outdoor*) di dalam kawasan rumah dan ruang laman sendiri (Sabrizaa, 2017). Biasanya sebuah pentas kayu atau pangkin akan dibina sebagai pelantar tempat duduk dan berehat, manakala di negeri Terengganu, Kedah dan sebahagian Perak di mana aras lantai rumah induknya adalah lebih tinggi berbanding rumah-rumah warisan Melayu negeri-negeri lain, ruang kolong ini menjadi tempat di mana diletakkan beberapa jenis peralatan tradisional untuk melakukan pelbagai aktiviti harian seperti alat kek tenunan untuk membuat kain songket dan limar; alat lesung hindik/ lesung kaki, penampi dan kepuk untuk menumbuk buah padi bagi penghasilan dan penyimpanan beras; alat pengisar biji kopi dan beberapa lagi mesin tradisional yang lain. Bayi dan anak kecil akan tidur dengan selesa di dalam buaian yang digantung pada gelegar lantai yang melintang ketika kaum ibu sibuk melakukan aktiviti harian di ruang kolong yang nyaman dan berangin ini. Selain tempat bersantai dan melakukan aktiviti harian, ruang kolong ini juga berfungsi sebagai tempat menyimpan pelbagai peralatan dan perkakasan kerja harian seperti perahu, jala, bubu ikan, jerat haiwan, alat pertukangan serta alat-alat pertanian dan bercucuk tanam.

“The see-saw rice-pounder for husking rice, the kepok a space between four or six posts separated off by a partition of plaited coconut leaves or similar material thrown round the posts, in which the newly harvested rice is kept till threshed and threshing itself takes place, the great tun-shaped barrels made of the bark of trees or plaited bamboo or rattan wherein is kept the unhusked rice after threshing, the press for extracting the oil from decayed coconuts, and a bamboo or wooden rack on which lies the firewood cleft by the women, these are the principal inanimate objects to be met with. In addition, fishing traps, snares, agricultural tools, stacks of ataps all find room. And in the day-time women will squat there at household duties, shaded from the sun, perhaps a cradle within reach swinging from the joists of the floor.”

Winstedt, R. (1909)



RAJAH 14. Ruang kolong yang berada antara aras tanah dan bawah lantai berpanggung rumah berfungsi sebagai sebuah ruang terbuka serbaguna  
 Sumber: Penulis (2021)




RAJAH 15. Aktiviti santai menganyam daun mengkuang dilakukan pada waktu petang di bahagian kolong Rumah Serambi Melaka, Kg. Duyong  
 Sumber: Penulis (2009)

Bahan bakar seperti sabut kelapa dan daun kering yang gugur dari pokok-pokok di halaman juga dikumpulkan di suatu sudut ruang bawah rumah ini bagi tujuan pembakaran/ mengasap di waktu senja atau lewat petang untuk menghalau nyamuk dari masuk ke dalam rumah di waktu malam hari. Kayu api yang dikumpulkan bagi tujuan memasak dan atap nipah yang telah siap dianyam disusun secara teratur di atas para kayu atau buluh yang dibina di ruang kolong ini; secara tidak langsung dapat mengelakkan bahan-bahan tersebut dari terdedah kepada kelembapan dan

“...these kampongs are scattered through the perpetual twilight of the forest. They do not build the houses very close together, and whether of rich or poor, the architecture is the same. Each dwelling is of plained wood or plaited palm leaves, the roof is high and steep, the eaves are deep, and the whole rests on a gridiron platform, supported on posts from five to ten feet high, and approached by a ladder in the poorer houses, and a flight of steps in the richer. In the ordinary houses mats are laid here and there over the gridiron, besides the sleeping mats; and this plan of an open floor, though trying to unaccustomed Europeans, has various advantages. As, for instance, it insures ventilation, and all debris can be thrown through it, to be consumed by the fire which is lighted every evening beneath the house to smoke away the mosquitoes.

...The picturesqueness of the drive home was much heightened by the darkness, and the brilliancy of the fires underneath the Malay houses.”

Bird, I. (1884)



RAJAH 16. Lakaran aktiviti mengasap di kolong bagi menghalau nyamuk di waktu malam  
Sumber: Bird, I. (1884)

## ANALISIS


Konsep asas ruang di dalam rumah warisan Melayu adalah jauh berbeza dengan konsep ruang rumah kediaman di barat. Ruang-ruang utama rumah warisan Melayu yang luas, terbuka dan bersifat pelbagai guna (*multi-functional spaces*) dan fleksibel fungsiannya mengikut keadaan dan waktu yang berbeza dalam sehari (Mazlan, 2019). Sebagai contoh, ruang serambi yang dijadikan ruang bersantai ahli keluarga dan tempat melayan tetamu pada waktu siang atau di masa keramaian/ kenduri akan berubah fungsi menjadi tempat tidur anak teruna pada waktu malam. Ruang utama di dalam rumah ibu pula menjadi ruang privasi ahli keluarga berkumpul melakukan pelbagai aktiviti bersama di waktu siang seperti makan, sembahyang, mengaji, dan berbincang manakala di waktu malam menjadi tempat tidur ibu bapa, anak kecil dan anak gadis yang diasingkan dengan tirai dan kelambu. Rumah dapur dan rumah tengah yang merupakan *domain* utama kaum ibu melakukan aktiviti memasak dan menyediakan makanan turut menjadi tempat tetamu wanita dilayan.

Ciri ruang pelbagai guna rumah warisan Melayu ini berbeza dengan perancangan susun atur ruang dalaman rumah di barat yang setiap ruang bilik (*room*) mempunyai kegunaan yang khusus seperti *living, dining, master bedroom, study* dan sebagainya. Pembahagian setiap ruang bilik ini juga diasingkan secara jelas antara satu sama lain dengan binaan dinding-dinding bata yang tebal dan kedap bunyi bagi memberikan privasi kepada setiap ahli keluarga. Ini seterusnya menjadi cerminan kepada budaya barat yang menitikberatkan ruang individu atau kebersendirian yang diistilahkan sebagai *privacy* dan *personal space*.

Selain itu, keadaan rumah kediaman yang kurang perabot serta budaya duduk di lantai (*sitting culture*) orang Melayu sejak dahulu lagi turut memainkan peranan dalam ciri-ciri ruang yang bersifat pelbagai guna ini. Amalan orang Melayu yang secara tradisinya lebih selesa duduk bersila atau bersimpuh di lantai yang dialas dengan tikar mengkuang atau alas kain seprah juga merupakan satu budaya sunnah Rasulullah SAW dalam Islam dan berkait rapat dengan amalan pengabdian diri kepada Allah SWT (Sabrizaa, 2022). Ini berbeza dengan konsep perabot *furniture* seperti kerusi (*chairs/ couch/ seating*) dan meja makan (*dining table*) yang mempunyai kegunaan khusus bagi setiap ruang dan bilik dalam rumah kediaman barat.

“...to sit in the doorway of his house. To understand what this means to a Malay, you must realise that the seat in the doorway, at the head of the stair-ladder that reaches to the ground, is to him much what the fire-side is to the English peasant. It is here that he sits, and looks out patiently at life, as the European gazes into the heart of the fire. It is here that his neighbours come to gossip with him, and it is in the doorway of his own or his friend's house, that the echo of the world is borne to his ears.”

Clifford, H. (1898)



RAJAH 17. Lakaran orang bersantai di tangga rumah  
Sumber : Winstedt, R. (1916)

Menurut Sabrizaa (2022), perancangan susun atur dan fungsian setiap ruang dalam rumah kediaman warisan Melayu berkait rapat dengan tiga (3) *domain* utama iaitu:

1. Kefahaman Islam
2. Cara hidup dalam mengamalkan adat resam dan pantang-larang orang Melayu
3. Latar persekitaran

Sejajar dengan konsep pengasingan (*segregation*) dalam Islam, rumah warisan Melayu mempunyai ciri pembahagian ruang yang jelas antara kaum lelaki dan wanita. Pintu utama yang masuk ke ruang anjung dan

serambi di bahagian hadapan rumah ibu menjadi tempat di mana tetamu lelaki dipelawa masuk dan dilayan manakala pintu kedua di bahagian sisi atau belakang rumah dapur menjadi tempat masuk dan *domain* bagi kaum ibu. Ruang loteng yang tersembunyi di bahagian atas rumah ibu pula menjadi tempat di mana anak gadis berada ketika tetamu lelaki datang berkunjung ke rumah. Ini secara tidak langsung mewujudkan batas perhubungan antara lelaki dan wanita yang selaras dengan ajaran agama Islam serta adab sopan-santun dan kesusilaan Melayu.

Konsep dan organisasi susun atur ruang dalaman rumah warisan Melayu berkait rapat dengan adat resam, budaya dan cara hidup orang Melayu silam. Selain pembahagian *domain* antara kaum lelaki dan wanita di rumah ibu dan rumah dapur, hierarki dan ketinggian aras lantai yang berbeza (*split levels*) antara ruang turut memainkan peranan dan menjadi unsur halus (*subtle*) yang membahagi dan menandakan batas sempadan antara zon-zon ruang separa terbuka dan tertutup (*semi-private/private spaces*). Ruang utama di tengah rumah ibu mempunyai aras lantai yang tertinggi dalam rumah warisan Melayu dan menjadi ruang terpenting yang hanya dikhususkan kepada ahli keluarga sahaja. Aras lantai ruang serambi di bahagian hadapan rumah ibu yang lebih rendah menjadi tempat tetamu lelaki dilayan manakala rumah dapur, rumah tengah atau ruang selang/ penangguh yang mempunyai aras lantai yang paling rendah menjadi tempat tetamu wanita berkumpul.



RAJAH 18. Aras lantai serambi gantung yang lebih rendah (kanan) dari lantai ruang utama (kiri) di bahagian rumah ibu (Rumah Serambi Negeri Sembilan, Rembau) menunjukkan hierarki dan pembahagian antara ruang  
Sumber: Penulis (2022)

## RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Seni bina rumah warisan Melayu telah melalui satu evolusi panjang yang merentas tempoh beberapa abad lamanya. Ilmu etnosains dan teknologi kearifan watan (*genius loci*) kompleks ini adalah manifestasi gabungan unsur kepercayaan dan cerminan cara hidup masyarakat Melayu silam yang masih wujud hingga ke hari ini. Struktur bangunan rumah dibina menggunakan bahan-bahan alami/ organik dari alam semula jadi yang banyak terdapat di semenanjung terbukti bertindak balas secara harmoni dan berkesan dengan iklim panas lembap tropika khatulistiwa. Reka bentuk dan bahan binaan pada rumah warisan Melayu amat dipengaruhi oleh keperluan sosio-ekonomi, budaya dan latar persekitaran masyarakat Melayu silam.

Kewujudan rumah warisan Melayu bukan terjadi secara kebetulan atau timbul akibat dari keperluan terhadap tempat perlindungan semata-mata tetapi ia adalah hasil dari pernyataan atau manifestasi pandangan hidup atau *world-view* orang Melayu silam. Di dalamnya terpadu segala-galanya; setiap bentuk, setiap ruang dan setiap jujuk kerangka struktur rumah itu semuanya terancang dan terbina dengan teliti, rapi dan setiap butir perinciannya bermakna serta mempunyai kegunaan dan fungsi.

Rekod-rekod catatan, dokumentasi dan data lama dari sumber primer orientalis abad ke-19 dapat memberikan pemahaman yang lebih terperinci terhadap prinsip asas dan nilai dalaman (*intrinsic values*) yang terdapat dalam seni bina warisan Melayu dan bukan hanya melihat pada sudut pandang luarannya (*envelope*) semata-mata. Ini boleh dijadikan rujukan penting yang membantu dalam mengadaptasi dan mengetengahkan ilmu warisan ini ke dalam pembangunan seni bina tropika masa kini yang moden/ kontemporari dan bersesuaian dengan kawasan beriklim panas lembap seperti di sekitar wilayah Alam Melayu Nusantara.



RAJAH 19. Lukisan *engraving* pemandangan perkampungan dan rumah Melayu awal abad ke-19  
Sumber: Daniell, T & W (1810)

Seni bina rumah warisan Melayu adalah satu contoh terbaik seni bina lestari (*sustainable architecture*) dan pendekatan bestarinya di dalam segala aspek dan perincian termasuk perancangan susun atur ruang-ruang dalaman rumah menjadikannya sebagai gambaran dan simbol kebitaraan peradaban Melayu yang lengkap dan unggul.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Nasir, 1985. *Pengenalan Rumah Tradisional Melayu Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Darul Fikir.
- Abdul Halim Nasir, 1986. *Ukiran Kayu Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim Nasir & Wan Hashim Wan Teh, 1996. *The Traditional Malay House*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdul Halim Nasir, 1997. *Seni Bina Masjid dan Rumah di Pahang*. Dalam *Pembangunan Arkeologi Pembangunan Negeri Pahang*: 162-182. Pekan: Lembaga Muzium Negeri Pahang
- Abdul Rahman Al-Ahmadi, 2016. *Petua Membina Rumah Melayu: Dari Sudut Etnis Antropologi*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Bird, I. 1884. *The Golden Chersonese: And the Way Thither*. New York: G.P. Putnam's Sons.
- Cavenagh, W. 1884. *Reminiscences of an Indian Official*. London: W.H. Allen & Co.
- Chen Voon Fee (Volume Editor), 1998. *The Encyclopedia of Malaysia: Architecture (Vol. 5)*. Singapore: Editions Didier Millet.
- Clifford, H. 1897. *In Court and Kampong: Being Tales and Sketches of Native Life in the Malay Peninsula*. London: Grant Richards Limited.
- Clifford, H. 1898. *Studies in Brown Humanity: Being Scrawls and Smudges in Sepia, White and Yellow*. London: Grant Richards Limited.
- Daniell, T & W. 1810. Lukisan *engraving* bertajuk *A Malaye Village*. Koleksi nadir Perbadanan Muzium Negeri Pahang, Pekan.
- Gibbs, P. 1987. *Building a Malay House*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Khairul Anwar & Mazlan Mohd Tahir, 2021. *Penerapan Elemen Berpangung Kepada Reka Bentuk Rumah Teres di Malaysia Untuk Mencapai Keselesaan Terma Melalui Pengudaraan Semula Jadi*. *Journal of Design & Built* 14(1): 163-173.
- Lim Jee Yuan, 1987. *The Malay House: Rediscovering Malaysia's Indigenous Shelter System*. Pulau Pinang: Institut Masyarakat.
- Logan, J. 1849. *Five Days in Naning, with a Walk to the Foot of Gunong Datu in Rembau*. Dalam *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia Vol. III*. Singapore: G.M. Frederick.

- Mazlan Mohd Tahir et al. 2019. *A System of Sustainable Building Construction Materials Incorporating the Raised Floor Innovation - The Tasik Chini Research Centre Experience*. *Journal of Design & Built* 12(1): 1-22.
- McNair, J. 1878. *Perak and the Malays: Sarong and Kris*. London: Tinsley Brothers.
- Mohd Sabrizaa Abd Rashid, 2017. *Rumah Kutai: Documentation of Memories*. Ipoh: Institut Darul Ridzuan.
- Muhammad Safwan Abdul Kadir & Mazlan Mohd Tahir, 2022. *Kajian Ruang Kolong Rumah Pangsa Kos Rendah Untuk Mencapai Interaksisocial Positif: Kajian Kes Pangsapuri Seri Melewar, Shah Alam*. *Journal of Design & Built* 15(1): 97-123.
- Raja Bahrin Shah Raja Ahmad Shah, 1988. *The Terengganu Timber Malay House*. Kuala Lumpur: Badan Warisan Malaysia.
- Skeat, W. 1900. *Malay Magic: Being an Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula*. London: MacMillan & Co. Limited.
- Swettenham, F. 1895. *Malay Sketches*. London: John Lane The Bodley Head Limited.
- Swettenham, F. 1898. *Unaddressed Letters*. London: John Lane The Bodley Head Limited.
- Swettenham, F. 1899. *The Real Malay: Pen Pictures*. London: John Lane The Bodley Head Limited.
- Swettenham, F. 1907. *British Malaya: An Account of the Origin and Progress of British Influence in Malaya*. London: John Lane The Bodley Head Limited.
- Waterson, R. 1998. *The Architecture of South-East Asia through Travellers' Eyes*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Wilkinson, R. 1908. *An Abridged Malay - English Dictionary (Romanised)*. Kuala Lumpur: F.M.S. Government Press.
- Winstedt, R. 1909. *The Circumstances of Malay Life: The Kampong. The House. Furniture. Dress. Food. Dalam Papers on Malay Subjects. Life and Customs Part II*. Kuala Lumpur: J. Russell at the F.M.S. Government Press.
- Winstedt, R. 1916. *Malayan Memories*. Singapore: Kelly and Walsh, Limited Printers and Publishers.